



**TAKLIMAT
SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN**

Disampaikan oleh:

**Urusetia Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan
Unit Pengurusan Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan
Jabatan Perkhidmatan Awam**

26 Ramadhan 1441 /20 Mei 2020

**SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN**

**SP JPA BIL: 13/2020
SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN SEBERANG LAUT
BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021**

**SP JPA BIL: 14/2020
SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DALAM NEGERI
BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021**

**TARIKH BERKUATKUASA:
01 HB JANUARI 2020**



SYARAT-SYARAT UTAMA

SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN SEBERANG LAUT BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

MEMENUHI SYARAT DAN PERATURAN

- ❖ Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2017 (Pindaan Syarat-Syarat dan Peraturan-Peraturan Yang Mengawal Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut [LDPSL]);
- ❖ Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2015 mengenai tatacara membenarkan bagi pegawai /kakitangan untuk mengikuti:
 - Program latihan jangka panjang;
 - Program yang ditaja oleh pihak penganjur atau badan lainnya.

**SURAT PEMBERITAHUAN 14/2020
SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DALAM NEGERI
BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021**

MEMENUHI SYARAT DAN PERATURAN

- ❖ Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 27/1988
(Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat Yang Mengawal
Mengenai Dengan Latihan Dalam Perkhidmatan
Dalam Negeri)

SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

- ❖ Berumur **40 tahun dan ke bawah** pada tarikh kursus dijadualkan bermula;
 - Bagi kursus jangka pendek (**melebihi tiga puluh [30] hari dan kurang dari satu [1] tahun akademik dan tidak memberikan kelulusan tambahan**) dibukakan kepada pegawai /kakitangan yang berumur hingga **53 tahun (LUAR NEGERI)**
- ❖ **Rakyat** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam **Perkhidmatan Tetap** dan berkhidmat dengan Kerajaan **tidak kurang dari dua (2) tahun perkhidmatan.**

**SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020
SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN
BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021**

❖ LAPORAN PENILAIAN PRESTASI (LPP)

**Tiga (3) tahun kebelakangan sekurang-kurangnya
Gred B.**

**Jumlah markah purata (average) sekurang-
kurangnya 85% bagi tiga (3) tahun kebelakangan.**

SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

❖ Perancangan Latihan Kementerian /IPTA

- Para 1.5 - Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah termasuk dalam Perancangan Latihan Kementerian /IPTA**

❖ RPG

- Para 1.6 - Rekod Perkhidmatan Government Employee Management System [GEMS] (RPG) hendaklah dikemaskini sepertimana Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 13/2014.**

SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

❖ **Lebih *Bond***

- Para 1.7 - Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah mempunyai lebih perkhidmatan yang mencukupi bagi menjalani tempoh ikat janji (*bond*) setelah selesai mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) sepertimana ditetapkan. Bagi yang pernah mengikuti Skim LDP hendaklah mempunyai lebih perkhidmatan yang mencukupi bagi menjalani tempoh ikat janji terdahulu dan yang akan datang.

TEMPOH BOND

| Tempoh kursus | Tempoh Ikat Janji (Bond) |
|--|--------------------------|
| Kurang daripada empat (4) bulan | 1 tahun |
| Empat (4) bulan hingga kurang daripada lapan (8) bulan | 2 tahun |
| Lapan (8) bulan hingga kurang daripada satu (1) tahun | 3 tahun |
| Satu (1) tahun hingga kurang daripada dua (2) tahun | 5 tahun |
| Dua (2) tahun hingga kurang daripada tiga (3) tahun | 7 tahun |
| Tiga (3) tahun hingga kurang daripada empat (4) tahun | 9 tahun |
| Empat (4) tahun hingga kurang daripada lima (5) tahun | 11 tahun |
| Lima (5) tahun hingga kurang daripada enam (6) tahun | 13 tahun |
| Enam (6) tahun hingga kurang daripada tujuh (7) tahun | 15 tahun |
| Tujuh (7) tahun hingga kurang daripada lapan (8) tahun | 17 tahun |

SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

❖ KRITERIA PEGAWAI TERBAIK BAGI SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN SEBERANG LAUT

➤ Para 1.8

Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah memenuhi maksud [Lampiran 1](#) dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 6/2017.

SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

KELULUSAN BAHASA INGGERIS

SEBERANG LAUT

- ❖ Kredit *GCE 'O' Level*; atau,
- ❖ *IELTS Band 6.5* dan setiap komponen *Band 6.0*; atau,
- ❖ General Paper **Grade C**; atau,
- ❖ *IGCSE Grade B*;
- ❖ Kursus pendek /kursus berbentuk klinikal /penempatan melebihi tiga puluh (30) hari dan kurang dari satu (1) tahun akademik dan tidak memberikan *kelulusan tambahan*:
 - **Lulus** *GCE 'O' Level*; atau,
 - *IELTS Band 5.0*.

DALAM NEGERI

- ❖ Kredit *GCE 'O' Level*; atau,
- ❖ *IELTS Band 6.0* dan setiap komponen *Band 5.5*; atau,
- ❖ *General Paper Grade C*; atau,
- ❖ *IGCSE Grade B*;
- ❖ Bagi Level 4 Diploma /*Higher National Technical Education Certificate (HNTEC)* dan ke bawah:
 - **Lulus** *GCE 'O' Level*; atau,
 - *IELTS Band 5.0*.



SYARAT-SYARAT KHUSUS (LUAR NEGERI)

SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN LUAR NEGERI BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

❖ RANKING UNIVERSITI

- Bagi universiti di **United Kingdom** hendaklah tersenarai dalam ***Times Higher Education University (THEU) Rankings 2019 /2020***:
 - **Top 25**; atau,
 - **Top 5** mengikut bidang (dirujuk jika Universiti yang dipohon tidak tersenarai dalam Top 25).
- Bagi **negara-negara lain**
 - **Top 250 QS World University Rankings 2019 /2020**



PERUBAHAN / TAMBAHAN

SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

Tempoh pengajian bagi peringkat kursus berikut;

- i. Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** hendaklah diikuti **tidak melebihi tiga (3) tahun**; dan
- ii. Ijazah Sarjana (Master)** hendaklah diikuti **tidak melebihi satu (1) tahun (LUAR NEGERI)**

Ijazah Sarjana (Master) hendaklah diikuti **tidak melebihi satu (1) tahun enam (6) bulan (DALAM NEGERI)**

Walaupun bagaimanapun, ianya juga adalah tertakluk kepada tempoh minima sebagaimana tawaran institusi.

**SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020
SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN
BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021**

❖ **TAMBAHAN SYARAT KELAYAKAN SELAIN AKADEMIK
BAGI MENGIKUTI IJAZAH SARJANA (MASTER)**

iii.a

Ijazah Sarjana Muda Kepujian (*Honours*) Kelas Ketiga atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya dan **telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan selama tidak kurang dari tujuh (7) tahun; atau**

iii.b

Ijazah *Ordinary /Pass* atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya dan **telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan selama tidak kurang dari sepuluh (10) tahun.**

**SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020
SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN
BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021**

DITIADAKAN

**Kursus Ijazah Sarjana Muda tidak
ditawarkan di bawah Skim Latihan
Dalam Perkhidmatan**

**SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020
SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN
BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021**

❖ **TAMBAHAN**

**LUAR NEGERI PARA 4.1.2 iii. c. &
DALAM NEGERI PARA 3.1.2 iii.c**

Sokongan Kementerian/IPTA hendaklah menyertakan ulasan kesesuaian tajuk kertas kajian dan perinciannya sejajar dengan perancangan strategik Kementerian

SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN SEBERANG LAUT BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

❖ PENGEMASKINIAN SYARAT

LUAR NEGERI PARA 5.3

Bagi kesejahteraan pegawai /kakitangan yang mengalami penyakit-penyakit yang menghalang untuk meneruskan kursus dan disahkan oleh doktor /pakar perubatan dari negara tempat berkursus tidak berkeupayaan untuk menamatkan kursus dalam masa yang ditetapkan, adalah dikehendaki pulang ke tanah air dalam masa tidak melebihi tujuh (7) hari dari tarikh disahkan atau tarikh ditamatkan oleh Institusi (mana-mana tarikh yang lebih awal). Kebenaran untuk meneruskan kursus adalah tertakluk kepada pertimbangan BMLDP.

SURAT PEMBERITAHUAN 14/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DALAM NEGERI BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

❖ PENGEMASKINIAN SYARAT

DALAM NEGERI PARA 4.3

Bagi kesejahteraan pegawai /kakitangan yang mengalami penyakit-penyakit yang menghalang untuk meneruskan kursus dan disahkan oleh doktor /pakar perubatan tidak berkeupayaan untuk menamatkan kursus dalam masa yang ditetapkan hendaklah mendapatkan rawatan perubatan terlebih dahulu. Tarikh penamatan kursus adalah diambil kira dari tarikh disahkan oleh doktor /pakar perubatan atau tarikh ditamatkan oleh Institusi (mana-mana tarikh yang lebih awal). Kebenaran untuk meneruskan kursus adalah tertakluk kepada pertimbangan BMLDP.

SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN SEBERANG LAUT BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

❖ PENGEMASKINIAN SYARAT

LUAR NEGERI 5.4.1

Penghantaran tesis /disertasi hendaklah diselesaikan dalam tempoh kebenaran BMLDP. Pegawai /kakitangan yang gagal untuk menghadapkan tesis /disertasi dalam tempoh kebenaran maka dikira tidak memenuhi syarat dan ketetapan BMLDP. BMLDP akan mengambil tindakan-tindakan bersesuaian dari masa ke semasa.

SURAT PEMBERITAHUAN 14/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DALAM NEGERI BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

❖ PENGEMASKINIAN SYARAT

DALAM NEGERI 4.4.1

Penghantaran tesis /disertasi hendaklah diselesaikan dalam tempoh kebenaran BMLDP. Pegawai /kakitangan yang gagal untuk menghadapkan tesis /disertasi dalam tempoh kebenaran maka dikira tidak memenuhi syarat dan ketetapan BMLDP dan bonus tahun tamat pengajian tidak akan dibayar seperti dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 24/1988 dan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 7/1992.

**SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020
SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN
BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021**

❖ TAMBAHAN

**LUAR NEGERI 5.4.2
DALAM NEGERI 4.4.2**

Tarikh rasmi tamat kursus adalah tarikh rasmi latihan berakhir atau tarikh akhir peperiksaan atau tarikh penghantaran disertasi/tesis.

SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN SEBERANG LAUT BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

❖ PENGEMASKINIAN

PARA 5.6 ii.

ii. Kementerian/IPTA dikehendaki menghadapkan laporan sesi kongsisama dengan menyertakan kertas pembentangan (booklet) tersebut tidak melebihi dari enam (6) bulan setelah tamat kursus.

PERHATIAN:

Urusetia BMLDP akan mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian dari masa ke semasa bagi pegawai /kakitangan yang tidak menghadapkan perkara di atas.

SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020 SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021

❖ PENGEMASKINIAN

**LUAR NEGERI PARA 6.1
DALAM NEGERI PARA 5.1**

Permohonan hendaklah dihadapkan melalui JPSTM dan surat sokongan ditandatangani oleh Setiausaha Tetap di Kementerian atau Naib Canselor /Rektor /Ra'es di IPTA masing-masing.

**SURAT PEMBERITAHUAN 13/2020 & 14/2020
SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN
BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021**

❖ **TAMBAHAN**

**LUAR NEGERI PARA 6.2.9
DALAM NEGERI PARA 5.2.9**

Ulasan Kementerian/IPTA mengenai kesesuaian tajuk kertas kajian dan perinciannya sejajar dengan perancangan strategik Kementerian.



TATACARA MENGHADAPKAN SOKONGAN

❖ **SOKONGAN KEMENTERIAN /IPTA HENDAKLAH DIHADAPKAN setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia (JPSTM) Kementerian /IPTA masing-masing;**

❖ Sokongan hendaklah **disertakan bersama:**

- Borang Permohonan LDP-1;
- Senarai Semak (Lampiran A);
- Pengesahan Pengemaskinian RPG (Lampiran A – RPG);
- Maklumat Perancangan Latihan Kementerian /Institusi Pengajian (Lampiran B);
- Keterangan Anggaran Perbelanjaan kursus (Lampiran CI atau CII)

Borang-borang boleh didapati di laman web: **www.jpa.gov.bn** -
Dibawah tajuk “Perkhidmatan Kami” - Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

❖ Lain-lain dokumen sokongan



**TARIKH AKHIR
MENGHADAPKAN
SOKONGAN**

DALAM NEGERI

| Bil | Tarikh Kursus Bermula | Tarikh Terakhir Menghadapkan ke JPA |
|------|--|-------------------------------------|
| i. | Julai 2020 /Ogos 2020 | 30 Mei 2020 |
| ii. | Januari 2021 /Februari 2021 | 31 Ogos 2020 |
| iii. | Bagi kursus atau penempatan yang bermula selain dari tarikh (i) dan (ii) di atas, sokongan hendaklah dihadapkan sekurang-kurangnya empat (4) bulan sebelum tarikh rasmi kursus bermula. | |

LUAR NEGERI

| Bil | Tarikh Kursus Bermula | Tarikh Terakhir Menghadapkan ke JPA |
|------|--|-------------------------------------|
| i. | September 2020 /Oktober 2020 | 30 Mei 2020 |
| ii. | Januari 2021/Februari 2021 | 31 Ogos 2020 |
| iii. | Bagi kursus atau penempatan yang bermula selain dari tarikh (i) dan (ii) di atas, sokongan hendaklah dihadapkan sekurang-kurangnya empat (4) bulan sebelum tarikh rasmi kursus bermula. | |

Sokongan berserta dengan Borang Permohonan LDP-1 dan dokumen-dokumen yang telah lengkap dan kemaskini hendaklah dihadapkan ke alamat berikut:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang
BA1311 Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam**

**Untuk Perhatian:
Urusetia Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam
Perkhidmatan
Unit Pengurusan Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan**

SEKIAN TERIMA KASIH

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

**Unit Pengurusan LDP,
Bahagian Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan
Jabatan Perkhidmatan Awam
No. telefon: 2382469 ext 413
Emel: info.ldp@psd.gov.bn**